

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

# *Inspirasi Kepimpinan Alumni Program Diploma Pengurusan Halal UiTM Cawangan Negeri Sembilan*

## **NURUUL HIDAYAH MANSOR**

Usaha membina kualiti kepimpinan dalam kalangan generasi muda merupakan suatu aspek yang amat penting kerana pembangunan sesuatu bangsa dan tamadun terletak pada kualiti generasi yang mampu menerajui kepimpinan sesebuah negara. Usaha universiti menghasilkan graduan yang cemerlang dan berkemahiran tinggi dapat membantu mengisi keperluan sumber manusia negara. Namun, keperluan kepada membina kecemerlangan dalam bakat kepimpinan yang berkualiti dalam kalangan mahasiswa menampakkan bahawa aset yang bakal mengisi keperluan kepimpinan negara bagi tujuan kelangsungan pembangunan di masa hadapan dapat digilap. Bakat ini akan menyokong ekosistem serta menyumbang terhadap kemajuan pembangunan negara dalam pelbagai aspek.

Graduan lepasan Diploma Pengurusan Halal didapati mempunyai kebolehan menjadi pemimpin yang hebat kerana mereka diberikan peluang untuk melibatkan diri dalam kepimpinan melalui penglibatan dalam persatuan Diploma Pengurusan Halal khususnya dan pelbagai persatuan serta badan-badan kelab lain yang wujud di UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Potensi kepimpinan ini perlu dikenalpasti oleh pelajar sendiri dengan sokongan pensyarah kerana bakat ini perlu diasah dan diberikan peluang untuk dikembangkan dalam pelbagai sudut. Bagi menggalakkan penglibatan mahasiswa program dalam kepimpinan, fakulti dan universiti perlu membentuk budaya kemahiran komunikasi dan penerapan nilai-nilai murni menerusi penglibatan dalam pelbagai aktiviti

komuniti atau kemasyarakatan. Ini kerana penglibatan luar akan membantu mahasiswa untuk membina sikap berani dalam diri dan berusaha untuk menyesuaikan pandangan mereka dengan masyarakat.



Saudara Che Muhammad Aliff bin Che Ruzlin merupakan alumni mahasiswa dari Program Diploma Pengurusan Halal UiTM Negeri Sembilan yang kini merupakan mahasiswa tahun akhir pengajian Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam menjadi inspirasi untuk mendorong mahasiswa program dalam menyerlahkan bakat kepimpinan dari usia muda. Peluang dan pengalaman awal yang diperoleh dari peringkat pengajian Diploma di UiTM Negeri Sembilan telah membawa bakat beliau lebih jauh dalam aspek kepimpinan apabila beliau berpeluang menyandang beberapa jawatan kepimpinan di UiTM Shah Alam termasuk jawatan sebagai Presiden Sekretariat Mahasiswa Fakulti pada masa yang sama ditaklifik sebagai Exco Kerohanian dan Pembangunan Insan, Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Shah Alam Sesi 2022/2023.

Apabila diwawancara berkenaan keperluan persediaan yang perlu ada dalam diri pelajar untuk menonjolkan diri dalam aspek kepimpinan, beliau mengulas bahawa tujuan penglibatan perlulah dimulakan dengan niat yang jelas dan betul agar fokus sebenar dalam memimpin tercapai. Selain itu, pelajar perlu membuka hati dan akal fikiran untuk menerima segala ilmu yang baik agar dapat dipraktikkan sebaiknya dalam memimpin serta mahasiswa yang berminat untuk memimpin perlu cuba untuk bersikap fleksibel dengan pelbagai perkara supaya satu-satu keputusan yang dibuat akan berlaku adil dan saksama.

Menurut saudara Che Muhammad Aliff, penglibatan seseorang pelajar dalam kepimpinan adalah penting kerana pelajar dapat meningkatkan daya ketahanan mental, jasmani dan rohani serta secara tidak langsung dapat membina jati diri pelajar yang berwibawa, berketerampilan tinggi dengan nilai murni yang holistik. Faktor pendorong daripada rakan-rakan dan semangat dalam diri membawa beliau untuk terus menceburkan diri dalam kepimpinan pelajar. "Saya juga yakin dan mengidolakan kepimpinan Rasulullah SAW yang memberikan kesejahteraan kepada penduduk sekeliling pada waktu itu. Tambahan pula, saya juga terdorong dengan sabda Nabi Muhammad SAW yang juga seorang pemimpin yang berkualiti, yang bermaksud "Sebaik-baik manusia adalah orang paling bermanfaat bagi orang lain". Bidang kepimpinan bagi saya bukanlah sahaja memberi banyak manfaat kepada diri sendiri bahkan juga banyak memberi manfaat kepada orang lain, terutamanya pada orang yang dipimpin".

Menurut saudari Nur Syafawati Mohd Rodzhan (23) yang turut merupakan bekas graduan dari program Diploma Pengurusan Halal UiTM Cawangan Negeri Sembilan mengulas bahawa mahasiswa perlu berani untuk mencuba perkara baru, perlulah bersikap terbuka dalam



menerima teguran, sentiasa melatih diri untuk menambah baik segala kemahiran serta perlu bersiap siaga membina kekuatan diri dalam semua aspek termasuk fizikal, mental, emosi dan spiritual.

Perasaan ingin keluar dari zon selesa telah mendorong beliau untuk terus cuba bergiat aktif dalam kepimpinan di universiti supaya beliau dapat meneroka lebih banyak bakat lain dalam diri menerusi penglibatan kepimpinan.

Beliau pernah memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa tertinggi dalam Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Shah Alam di samping memegang jawatan-jawatan lain seperti Jawatankuasa Pelaksana Sekretariat Mahasiswa Fakulti ACIS, Exco Sukan dan Kebudayaan Persatuan Pembangunan Insaniah serta pernah memegang jawatan sebagai Ahli Exco Kebajikan dan Solidarita Persatuan Diploma Pengurusan Halal semasa di UiTM Negeri Sembilan.

Semoga perkongsian ini menjadi inspirasi kepada seluruh warga dan mahasiswa UiTM dalam menyerlahkan potensi dan bakat dalam diri dan secara langsung melahirkan bakal-bakal pemimpin yang berilmu, berketerampilan tinggi, berkarisma dan berakhlak mulia.